



## KENYATAAN MEDIA

### SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

---

#### PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR EKONOMI DI NEGERI PERAK

1. Pertamanya, Kerajaan Negeri Perak ingin menzahirkan rasa dukacita dengan perkhabaran mengenai kemalangan yang menimpa salah seorang anggota barisan hadapan Covid 19, Allahyarham Koperal 171555 Safwan bin Mohamad Ismail awal pagi tadi ketika sedang bertugas di sekatan jalan raya, di Lebuhraya LEKAS Selangor. Allahyarham merupakan anak kelahiran Perak dan merupakan seorang yang komited dan berdedikasi sepanjang dalam perkhidmatan sebagai anggota Polis Diraja Malaysia. Justeru Kerajaan Negeri Perak merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Sesungguhnya pemergian Wira Negara ini merupakan satu kehilangan yang amat dirasai oleh negara dan negeri Perak khususnya. Al Fatihah.
2. Kerajaan Negeri Perak menyambut baik pengumuman Kerajaan Pusat untuk membuka semula (*restart*) ekonomi negara dengan membenarkan industri dan aktiviti perniagaan untuk beroperasi secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Terkawal dan Bersyarat) Fasa 4 sehingga 12 Mei 2020.

Penguatkuasaan Akta 342 masih diteruskan dan buat masa ini pergerakan orang ramai masih tertakluk dalam tempoh antara 8 pagi sehingga 8 malam. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), *District Risk Reduction Program* (DRRP) merupakan strategi yang perlu dipatuhi bagi mengekang penularan wabak Covid-19 yang meliputi empat prinsip utama berikut:-

- i. Kawalan Sempadan (pergerakan rentas negeri/daerah);
- ii. Kawalan Pergerakan;
- iii. Penjarakan Sosial;
- iv. Peralatan perlindungan peribadi seperti pemakaian topeng muka (*face mask*) diutamakan kepada individu yang bergejala.

3. Walaupun data di negeri Perak menunjukkan tiada kes baharu dilaporkan/didaftarkan untuk tempoh 15 hari berturut-turut, namun terdapat 15 mukim dan sub mukim yang masih belum bebas daripada kes dalam tempoh 28 hari (2 tempoh inkubasi).
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Khas Bil 5 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak pada 3 Mei 2020 telah meneliti kesemua sektor perniagaan yang dibenarkan untuk dibuka semula dan beroperasi berdasarkan SOP. Jawatankuasa amat memandang serius sektor-sektor yang berisiko tinggi terhadap penularan jangkitan Covid-19. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Perak memutuskan untuk menerima pakai SOP Pembukaan Ekonomi yang diumumkan Kerajaan Persekutuan dengan penangguhan operasi bagi sektor seperti berikut:

#### **I. SEKTOR MAKANAN**

- (a) Semua Restoran, Warung, Medan Selera/Pusat Penjaja, gerai makan tepi jalan (berbumbung/kiosk), kenderaan saji (*food truck*), penjaja beredar dan penjaja tepi jalan dibenarkan untuk beroperasi tetapi hanya untuk tujuan bungkus dan penghantaran.

Makan di premis (*Dine-in*) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- (b) Pasar Segar Terkawal tanpa premis contohnya pasar pagi juga **TIDAK DIBENARKAN**.

#### **II. SEKTOR SUKAN DAN REKREASI**

Kerajaan negeri menyokong aktiviti sukan dan rekreasi yang menjurus kepada amalan gaya hidup sihat. Walau bagaimanapun, aktiviti riadah di Taman-taman Rekreasi Awam di Negeri Perak masih belum dibenarkan dalam tempoh PKP 4 ini.

5. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam di negeri Perak berada dalam keadaan baik dan efektif, pejabat-pejabat kerajaan di negeri Perak akan mula beroperasi mulai 4 Mei 2020 (Isnin).

6. Kerajaan negeri juga ingin menarik perhatian seluruh warga negeri Perak bahawa wabak Covid-19 masih menjadi ancaman kepada kita semua. Sehubungan itu, langkah-langkah pencegahan masih perlu diteruskan dengan disiplin yang tinggi dengan mengamalkan penjarakan sosial, kerap basuh tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* dan elak menyentuh muka dengan tangan yang tidak bersih.
  
7. Marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menempuh norma baharu ini.

**Ayuh**

**Lindungi Keluarga**

**Lindungi Komuniti**

**Lindungi Daerah**

**Lindungi Hijau, Kawal Merah**

**Kita Mesti Menang**

**YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

03 Mei 2020